PENDAKWA RAYA

lwn.

ABDUL JALIL SAGAF

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
MOHTAR ABDULLAH PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO. CR 57-1-86]
25 JANUARI 1990

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Cubaan rompakan - Tembakan dari pistol senjatapi dengan niat hendak menyebabkan kematian atau kecederaan - Seksyen 3 Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971 - Maklumat dan tingkahlaku serta pengetahuan tertuduh tentang sepucuk revolver dan 6 butir peluru - Seksyen 27 Akta Keterangan - Keterangan lain memadai untuk membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh - Kanun Acara Jenayah - Notis alibi dikehendaki di bawah s. 402A untuk keterangan menyokong alibi - Penafian kosong (bare denial)- Kebenaran dan kejujuran saksi yang memberi keterangan - Pendakwaan membuktikan kesnya terhadap tertuduh melampaui sebarang keraguan yang munasabah.*

Tertuduh didakwa di bawah s. 3 Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971. Kes pihak pendakwaan terhadap tertuduh ialah bahawa beliau telah dicamkan oleh pengurus kedai runcit (PW3) dan pembantu kedai (PW4) sebagai lelaki Melayu yang telah datang ke kedai runcit tersebut pada malam 29 November 1986. Tertuduh telah cuba melakukan satu rompakan, iaitu satu kesalahan berjadual di bawah Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971. Semasa itu tertuduh bersenjatakan sepucuk pistol. Inspektor Viswanathan (PW5) pegawai penyiasat dalam kes ini, telah memberi keterangan bahawa pada 12 Disember 1986 jam 5.00 petang ... "Tertuduh pertama memberitahu beliau ada menyimpan sepucuk pistol jenis Cobra yang berisi 6 butir peluru dalam chamber dan 12 butir peluru yang dibungkus dalam satu kain kuning. Beliau menyorokkannya dalam himpunan suratkhabar di rumah yang saya pergi semasa menangkap beliau." Seterusnya tertuduh dan Inspektor Viswanathan, bersama satu pasukan polis, telah pergi ke rumah Lot 499 Jalan 52, Kampung Cheras Baru. Keterangan Inspektor Viswanathan selanjutnya:

> Seterusnya tertuduh 1 telah bawa kami ke satu bilik di mana didapati seorang lelaki, Ramlee bin Che Man (dipanggil dan dicamkan) sedang tidur. Dalam bilik ini tertuduh 1 telah menunjukkan kepada satu rak besi yang ada himpunan suratkhabar. Dia beritahu pistol ada di bawah suratkhabar sebelah kanan ...

Inspektor Viswanathan telah menyimpan sepucuk revolver, jenis Cobra .38 Special berisi 6 butir peluru serta 12 butir peluru dalam satu bungkusan kain kuning di tempat yang dikatakan dan ditunjukkan oleh tertuduh.

Pembelaan tertuduh ialah penafiannya bahawa beliau berada di tempat kejadian ketika cubaan rompakan itu dikatakan berlaku. Tertuduh menafikan samasekali melakukan kesalahan ini. Semasa pemeriksaan utama, tertuduh berkata beliau berada di Warong Abang Razak. Tertuduh memberikan keterangan yang serupa semasa pemeriksaan balas. Tiada notis alibi telah dikemukakan oleh pihak pembelaan di bawah s. 402A Kanun Acara Jenayah.

Diputuskan:

[1] Mahkamah tiada sebab yang munasabah untuk menyangsikan keterangan Inspektor Visvanathan dan berpuashati dengan maklumat sepertimana disebutkan oleh Inspektor Viswanathan telah sebenarnya diberi oleh tertuduh, meskipun Inspektor Viswanathan tidak

mencatitkan maklumat itu ketika menerimanya. Mahkamah berpendapat maklumat itu, termasuk tingkahlaku dan pengetahuan tertuduh, adalah sah diterima masuk dalam keterangan di bawah s. 27 Akta Keterangan.

[2] Sekiranya mahkamah menolak kemasukan maklumat tersebut dalam keterangan di bawah s. 27 Akta Keterangan, ini tidaklah menghancurkan kes prima facie yang telahpun dibuktikan oleh keterangan-keterangan lain iaitu:

(a) Tertuduh telah dicamkan dengan jelasnya oleh PW3 dan PW4 sebagai lelaki Melayu yang cuba melakukan rompakan di kedai runcit itu;

(b) Tertuduh telah dibuktikan memiliki sepucuk senjatapi semasa cuba melakukan kesalahan berjadual itu;

(c) Tertuduh telah melepaskan satu tembakan yang telah mencederakan PW3. Keterangan ini, dengan sendirinya, menunjukkan (tanpa memerlukan keterangan pakar persenjataan atau ahli kimia) bahawa senjatapi itu adalah "serviceable". Mahkamah berpuashati bahawa satu kes prima facie terhadap tertuduh yang, jika tidak disangkal, akan membolehkan tertuduh disabitkan.

[3] Oleh kerana tiada notis alibi yang dikemukakan oleh pihak-pihak pembelaan di bawah s. 402A Kanun Acara Jenayah untuk kemasukan keterangan bagi menyokong alibinya, mahkamah terpaksa menolak keterangan yang menyokong alibi tersebut.

[4] Sekiranya mahkamah menerima keterangan yang menyokong alibi tersebut, mahkamah berpendapat keterangan itu bila diuji dengan keseluruhan keterangan dalam kes ini, tidak dapat dipercayai dan tidak pula disokong oleh sebarang keterangan lain. Walaupun, di sisi undang-undang, inference yang menentang (adverse inference) tidak boleh ditimbulkan terhadap pihak pembelaan kerana tidak memanggil mana-mana saksi untuk menyokong keterangan tertuduh mengenai perkara ini, namun kegagalan pihak pembelaan mengemukakan sebarang saksi untuk menunjukkan bahawa sebenarnya, atau barangkali benar, tertuduh bekerja di warong berkenaan pada malam berkenaan telah, dengan sendirinya, melemahkan kes pihak pembelaan. Penafian kosong dan alibi yang tidak disokong tidak menimbulkan sebarang keraguan terhadap kes pihak pendakwaan bahawa tertuduh cuba melakukan kesalahan berjadual itu pada malam dan di tempat berkenaan.

[5] Mahkamah yakin bahawa Inspektor Viswanathan ialah seorang saksi yang jujur dan boleh dipercayai. Cerita tertuduh tidak menimbulkan sebarang keraguan terhadap keterangan Inspektor Viswanathan. Pembelaan juga tidak menimbulkan sebarang keraguan mengenai kawad cam yang dikendalikan secara teratur dan baik oleh Inspektor Amir Rashid - (PW7). Mahkamah berpuashati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya terhadap tertuduh melampaui sebarang keraguan yang munasabah.

[OKT didapati bersalah dan disabitkan dengan tuduhan.]

Kes-kes yang dirujuk:
Wai Chan Leong lwn. Pendakwaan [1989] 3 MLJ 356
Vasan Singh v. Pendakwaraya [1989] 1 CLJ (Rep) 166

Perundangan yang dirujuk:
Firearms (Increased Penalties) Act 1971, s. 3
Evidence Act 1950, s. 27
Criminal Procedure Code, s. 402A

Bagi pihak pendakwaraya - Mohamad Hanafiah bin Haji Zakaria Timbalan Pendakwaraya
Bagi pihak tertuduh - Abdul Hamid Said; T/n. Abdullah & Zainuddin

PENGHAKIMAN

Mohtar Abdullah PK:

Tertuduh, Abdul Jalil bin Sagaf, telah didakwa di atas pertuduhan berikut:

> Bahawa kamu pada 29 November 1986, jam lebih kurang 9.20 malam, di Lot 62, Jalan 36D Kampong Cheras Baru, Ampang, dalam Negeri Selangor, pada masa cuba melakukan rompakan, satu kesalahan berjadual, telah melepaskan tembakan dari pistol senjatapi, iaitu sepucuk .38 Special "COBRA" Revolver, nombor siri LW 146700, dengan niat hendak menyebabkan kematian atau kecederaan kepada Vengadesh a/l Rengasamy, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 3 Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971.

Di atas permohonan Timbalan Pendakwaraya, saya telah membenarkan kes ini dibicarakan bersama dengan satu kes lain di mana seorang bernama Norhisham bin Othman telah dituduh di bawah s. 3A akta yang sama kerana ada bersama tertuduh semasa tertuduh dikatakan melakukan kesalahan berjadual itu. (Nota: Dalam perbicaraan bersama ini, tertuduh disebutkan sebagai tertuduh pertama dan Norhisham disebutkan sebagai tertuduh kedua). Di akhir kes pihak Pendakwaan saya telah memanggil Norhisham untuk mengemukakan pembelaannya di atas pertuduhan pindaan di bawah s. 9 akta yang sama, dan di akhir kes pihak pembelaan saya telah mendapati Norhisham tidak bersalah dan membebaskannya. Sebaliknya pula, tertuduh telah dipanggil untuk mengemukakan pembelaannya dan, di akhir kes pihak pendakwaan, saya telah mendapati tertuduh bersalah dan mensabitkannya. Alasan-alasan saya bagi keputusan mensabit tertuduh adalah seperti berikut.

Secara ringkasnya kes pihak pendakwaan terhadap tertuduh ialah bahawa beliau telah dicamkan oleh pengurus kedai runcit (PW3) dan pembantu kedai (PW4) sebagai lelaki Melayu yang telah datang ke kedai runcit tersebut pada malam 29 November 1986. Tertuduh telah cuba melakukan satu rompakan, iaitu satu kesalahan berjadual di bawah Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971. Semasa itu tertuduh bersenjatakan sepucuk pistol (sepertimana disebutkan oleh PW3 dan PW4) dan telah melepaskan satu tembakan yang cepat dan mencederakan PW3.

Kedua-dua PW3 dan PW4 telah mengecam tertuduh di dalam mahkamah dan di dalam kawad cam yang diadakan di Balai Polis Ampang pada 8 Disember 1986, lebih kurang 9 hari selepas kejadian ini. Diperingkat ini, saya berpuashati mengenai keterangan pengecaman ini dan mendapati bahawa tertuduh adalah lelaki Melayu yang telah datang ke kedai runcit itu dan cuba merompak PW3. Walaupun terdapat sedikit percanggahan dalam keterangan-keterangan PW3 dan PW4 mengenai cara pistol tersebut diselit di pinggang tertuduh dan mengenai tangan mana tertuduh gunakan untuk mengambil pistol itu, saya berpuashati bahawa tertuduh sebenarnya memilik senjatapi semasa melakukan cubaan rompakan itu dan telah menembak PW3 dan mencederakannya dengan senjatapi itu. Keterangan-keterangan ini sahajapun memadai bagi pihak Pendakwaan membuktikan kes *prima facie* terhadap tertuduh di atas pertuduhan ini.

Tetapi untuk menguatkan lagi kesnya terhadap tertuduh, pihak pendakwaan telah mengemukakan keterangan-keterangan mengenai maklumat yang diberi oleh tertuduh kepada pihak polis dan tindakan tertuduh yang membawa kepada terjumpanya senjatapi, iaitu, sepucuk revolver (eksibit P5) dan peluru-peluru dalam sebuah rumah yang ditumpangi oleh tertuduh.

Inspektor Viswanathan (PW5), pegawai penyiasat dalam kes ini, telah memberi keterangan bahawa pada 12 Disember 1986, jam 5.00 petang:

> ... saya ada jalankan soalsiasat ke atas tertuduh pertama dalam pejabat Inspektor Balakrishan (*dicamkan*) di Balai Polis Ampang. Ketika itu tertuduh pertama memberitahu beliau ada menyimpan sepucuk pistol jenis Cobra yang berisi 6 butir peluru dalam chamber dan 12 butir yang dibungkus dalam satu kain kuning. Beliau menyorokkannya dalam himpunan suratkhabar di rumah yang saya pergi semasa menangkap beliau. Beliau beritahu beliau tidak bohong dan akan tunjukkan tempat tersebut.

Seterusnya tertuduh dan Inspektor Viswanathan, bersama satu pasukan polis, telah pergi ke rumah Lot 499 Jalan 52, Kampong Cheras Baru. Keterangan Inspektor Viswanathan selanjutnya:

> Seterusnya tertuduh pertama telah bawa kami ke satu bilik di mana didapati seorang lelaki, Ramlee bin Che Man (*dipanggil dan dicamkan*) sedang tidur. Dalam bilik ini tertuduh pertama telah menunjukkan kepada satu rak besi yang ada himpunan suratkhabar. Dia beritahu pistol ada di bawah suratkhabar sebelah kanan.

Inspektor Viswanathan telah menjumpai sepucuk revolver, jenis Cobra 38 Special, berisi 6 butir peluru serta 12 butir peluru dalam satu bungkusan kain kuning di tempat yang dikatakan dan ditunjukkan oleh tertuduh. Dalam memberi keterangan mengenai maklumat yang diberi secara lisan oleh tertuduh, persoalan samada Inspektor Viswanathan melaporkan maklumat itu dengan cakap ajuk (direct speech) atau sebaliknya dengan cakap pindah (indirect speech) tidaklah penting - yang pentingnya ialah persoalan samada laporan atau keterangan Inspektor Viswanathan mengenai maklumat ini adalah benar dan betul. Dalam hal ini, saya tidak ada sebab yang munasabah untuk menyangsikan keterangan Inspektor Viswanathan, dan saya berpuashati maklumat sepertimana disebutkan oleh Inspektor Viswanathan telah sebenarnya diberi oleh tertuduh, meskipun Inspektor Viswanathan tidak mencatitkan maklumat itu ketika ia menerimanya. Saya berpendapat maklumat ini, termasuk tingkahlaku dan pengetahuan tertuduh, adalah sah diterima masuk dalam keterangan di bawah s. 27 Akta Keterangan. Maklumat ini telah menyebabkan atau membawa kepada terjumpanya kenyataan bahawa sepucuk revolver benar-benar tersorok di tempat yang disebut dan ditunjukkan oleh tertuduh. Dalam kes *Wai Chan Leong lwn. Pendakwaan,* [1989] 3 MLJ 356, Datuk Gunn Chit Tuan, H.M.A., bagi pihak Mahkamah Agung, menjelaskan:

> As pointed out by Suffian LP (as he then was) in *Chong Soon Koy v. Public Prosecutor*, their Lordships of the Privy Council in *Pulukuri Kotayya v. King Emperor* had observed that "it is fallacious to treat fact discovered within s. 27 as equivalent to the object produced; the fact discovered embraces the place from which the object is produced and the knowledge of the accused as to this and the information given must relate distinctly to this fact.

Senjatapi ini telah diperiksa dan diuji oleh ahli kimia dan pegawai persenjataan dan didapati "serviceable", boleh ditembak dan digunakan. Dari keterangan Inspektor Viswanathan, PW3 dan PW4, saya berpuashati pihak pendakwaan telah membuktikan secara prima facie bahawa senjatapi berkenaan (eksibit P5) adalah yang sama yang digunakan oleh tertuduh semasa melakukan cubaan rompakan itu.

Walaubagaimanapun, andainya saya menolak kemasukan maklumat berkenaan dalam keterangan di bawah s. 27 Akta Keterangan, dan oleh yang demikian, andainya saya memutuskan bahawa pihak pendakwaan gagal membuktikan eksibit P5 adalah senjatapi

yang sama yang digunakan dalam cubaan rompakan itu, ini tidaklah menghancurkan kes prima facie yang telahpun dibuktikan oleh pihak pendakwaan tanpa keterangan-keterangan tambahan ini. Sepertimana saya sebutkan di awal penghakiman saya ini, keterangan-keterangan berikut sudahpun memadai untuk membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh, iaitu:

(a) Tertuduh telah dicamkan dengan jelasnya oleh PW3 dan PW4 sebagai lelaki Melayu yang cuba melakukan rompakan di kedai runcit itu;

(b) Tertuduh telah dibuktikan memiliki sepucuk senjatapi semasa cuba melakukan kesalahan berjadual itu;

(c) Tertuduh telah melepaskan satu tembakan yang telah mencederakkan PW3. Keterangan ini, dengan sendirinya, menunjukkan (tanpa memerlukan keterangan pakar persenjataan atau ahli kimia) bahawa senjatapi itu adalah "serviceable".

Oleh yang demikian, saya berpuashati pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh yang, jika tidak disangkal, akan membolehkan tertuduh disabitkan. Dengan itu, saya telah memanggil tertuduh untuk mengemukakan pembelaannya.

Dengan ringkasnya, pembelaan tertuduh ialah penafiannya bahawa beliau berada di tempat kejadian ketika cubaan rompakan itu dikatakan berlaku. Tertuduh menafikan samasekali melakukan kesalahan ini. Semasa pemeriksaan utama, tertuduh berkata:

> Pada 29 November 1986 saya menolong kawan saya berniaga di Chow Kit Road, di Warong Kopi ... Saya telah bekerja di tempat itu selama satu minggu. Pemilik warong ialah Abang Razak ... Biasanya saya keluar pergi kerja pada pukul 5.00 hingga 5.30 petang. Saya balik dalam pukul 2.00 pagi atau 2.30 pagi ... Pada malam kejadian saya berada di Chow Kit berniaga. Saya tidak tahu mengenai kejadian rompakan ini.

Semasa pemeriksaanbalas oleh Timbalan Pendakwaraya, tertuduh memberi keterangan serupa:

> Pada 29 November 1986 saya tiada pergi ke kedai mereka kerana pada malam tersebut saya berniaga di Chow Kit Road. Saya berniaga di sana 2 minggu sebelum saya ditangkap. Saya berniaga di Jalan Raja Alang, di warong makan.

Seterusnya bila dicabar oleh Timbalan Pendakwaraya, tertuduh masih tegas dengan penafiannya:

> Adalah tidak benar saya berada di tempat kejadian di Kampong Cheras Baru ... Adalah tidak benar pada 29 November 1986 saya berada di kedai tersebut dan cuba melakukan rompakan. Adalah juga tidak benar saya melepaskan tembakan terhadap Vengadesh (PW3).

Tiada notis alibi telah dikemukakan oleh pihak pembelaan di bawah s. 402A Kanun Acara Jenayah. Dalam kes *Vasan Singh lwn. Pendakwaraya*, [1989] 1 CLJ (Rep) 166, Mahkamah Agung telah mempertimbangkan persoalan samada seseorang tertuduh yang memberi keterangan sendiri mengenai pembelaan alibinya (tanpa memanggil sebarang saksi untuk menyokong pembelaan alibi itu) perlu memberi notis di bawah s. 402A Kanun Acara Jenayah. Jawapan Mahkamah Agung kepada persoalan itu ialah "YA" - bermakna tertuduh berkenaan perlu memberi notis di bawah s. 402A Kanun Acara Jenayah - dengan syarat keterangan itu adalah bagi menyokong alibinya dan bukan satu penafian kosong (bare denial).

Dato' Harun Hashim, H.M.A., bagi pihak Mahkamah Agung, menghuraikan:

> The defence of alibi is a legitimate defence and in fact is often the only evidence of an innocent man. The difficulty, it seems to us, is when and how to exclude an alibi defence for non-compliance with s. 402A. First, a distinction should be drawn between a bare denial and an alibi defence. Evidence of bare denial is in any case always admissible. In order to distinguish one from the other, the Court must know the nature of the evidence. As was said in *Ku Lip See v. PP* (*supra*) at p. 196:
>
> > If a trial Court having considered the evidence put forward by the defence, holds that such evidence amounts to evidence in support of an alibi for which no notice under s. 402A Criminal Procedure Code has been given, then he has no discretion in the matter but to exclude such evidence.
>
> It follows that, initially, the Court cannot prevent an accused person from giving evidence. Having heard the evidence, then the trial Court must decide the nature of the evidence. If it is only evidence of a bare denial, the evidence stays. If it is evidence in support of an alibi and no notice under s. 402A has been given, then he must exclude that part of the evidence from his consideration of the defence evidence.

Saya berpendapat keterangan tertuduh bahawa ketika itu beliau bekerja di Warong Abang Razak di Chow Kit Road adalah satu keterangan yang menyokong alibinya bahawa beliau tidak berada di tempat kejadian. Ianya bukanlah satu penafian kosong. Oleh yang demikian, saya terpaksa menolak keterangan yang menyokong alibi ini kerana tiada notis diberikan oleh tertuduh sepertimana dikehendaki di bawah s. 402A Kanun Acara Jenayah.

Walaubagaimanapun, andainya saya menerima keterangan itu sebagai sebahagian daripada penafian kosong tertuduh yang boleh dipertimbangkan oleh mahkamah tanpa sebarang notis, saya berpendapat keterangan itu, bila diuji dengan keseluruhan keterangan dalam kes ini, tidak dapat dipercayai dan tidak pula disokong oleh sebarang keterangan lain. Walaupun, di sisi undang-undang, inferens yang menentang (adverse inference) tidak boleh ditimbulkan terhadap pihak pembelaan kerana tidak memanggil mana-mana saksi untuk menyokong keterangan tertuduh mengenai perkara ini, namun kegagalan pihak pembelaan mengemukakan sebarang saksi untuk menunjukkan bahawa sebenarnya, atau barangkali benar, tertuduh bekerja di warong berkenaan pada malam berkenaan telah, dengan sendirinya, melemahkan kes pihak pembelaan. Penafian kosong dan alibi yang tidak disokong tidak menimbulkan sebarang keraguan terhadap kes pihak pendakwaan bahawa tertuduh cuba melakukan kesalahan berjadual ini pada malam dan di tempat berkenaan.

Saya juga telah menimbangkan keterangan tertuduh mengenai maklumat yang dipertikaikan dan versinya bagaimana senjatapi itu dijumpai oleh pegawai-pegawai polis. Saya telah lihat dan dengar Inspektor Viswanathan memberi keterangan dan saya menerimanya sebagai seorang saksi yang jujur dan boleh dipercayai. Sayugia diingatkan bahawa pihak pembelaan tidak pernah mencabar Inspektor Viswanathan terhadap kebolehpercayaannya dan kebenaran keterangan yang diberinya dalam mahkamah. Saya dapati cerita tertuduh tidak menimbulkan sebarang keraguan terhadap keterangan Inspektor Viswanathan. Begitu juga pihak pembelaan tidak menimbulkan sebarang keraguan mengenai kawad cam yang dikendalikan secara teratur dan baik oleh Inspektor Amir Rashid (PW7). Di akhir kes pihak pendakwaan saya telah berpuashati, berdasarkan kepada keterangan PW7, PW3 dan PW4, bahawa tertuduh telah sempurnadicamkan - dan di akhir kes pihak pembelaan saya dapati pihak Pembelaan tidak juga menimbulkan sebarang keraguan dalam perkara pengecaman ini.

Di akhir perbicaraan kes ini, saya berpuashati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya terhadap tertuduh melampaui sebarang keraguan yang munasabah. Oleh yang demikian saya dapati tertuduh bersalah dan mensabitkannya.

Also found at [1990] 1 CLJ 735